

03/11/2002

Usaha membiak terumbu karang perlu berterusan

Jamhariah Jaafar

BAGI mana-mana penyelam ataupun pencinta alam, terumbu karang adalah hidupan yang paling indah melata di dasar laut. Tetapi, ramai yang tidak tahu bahawa terumbu karang adalah sejenis binatang, bukannya tumbuh-tumbuhan dan ia hanya bertelur dua kali setahun iaitu pada bulan tertentu dan ketika bulan mengambang.

Terumbu karang boleh diibaratkan sebagai hidupan yang paling lama wujud di muka bumi ini dan mengalami ekosistem yang paling kompleks. Ia juga berfungsi paling penting dalam perkembangan hidupan laut kerana selain menjadi sumber utama makanan kepada hidupan laut, ia turut menjadi sumber pengembang rezeki kepada komuniti manusia.

Bagaimanapun, hidupan indah itu kini menghadapi masa depan yang amat runcing dan ia bukan hanya disebabkan oleh perubahan alam yang semakin serius, bahkan akibat kecuaiian dan kealpaan manusia dalam meneroka khazanah laut demi untuk mengumpul kekayaan yang tidak ternilai daripada perut bumi ini.

Apa sebenarnya terumbu karang? Terumbu karang ialah komuniti yang memiliki paling banyak spesies di planet ini. Kumpulan marin tropika ini sebenarnya hanya menguasai kurang daripada satu peratus lantai dasar lautan, tetapi ia dihuni oleh sekurang-kurangnya 25 peratus oleh warga dasar lautan. Saintis menjangka lebih 25,000 jenis binatang dan 32 daripada 33 komuniti lautan memang menjadikan terumbu karang sebagai habitat mereka - dan jumlah itu adalah empat kali ganda lebih banyak berbanding jumlah binatang yang tinggal di kawasan hutan hujan.

Terumbu karang adalah antara hidupan paling lama yang mencatat rekod kehidupan di planet ini, kebanyakan yang kita lihat sekarang sudah berkembang sejak 5,000 tahun lalu dan ia dikatakan menguasai kira-kira 600,000 kilometer persegi dasar laut di lebih 100 buah negara.

Mengapa secara tiba-tiba terumbu karang menjadi antara isu penting untuk dibincangkan? Lawatan ke beberapa pulau di sekitar Pantai Timur sejak beberapa bulan lalu, menyaksikan situasi serius yang dialami oleh terumbu karang di seluruh negara. Kerosakan akibat kecuaiian manusia, termasuk di dalam kawasan yang diisytihar sebagai Taman Laut, amat menggerunkan.

Kawasan Pulau Tioman yang sejuk mata memandang beberapa tahun lalu, kini amat menyakitkan hati apabila kebanyakan kawasan terumbu karang kelihatan gersang dan banyak yang patah angkara si pukut tunda yang tidak bermata.

Ketua Unit Taman Laut Terengganu, Rahim Goryaman, ketika ditemui baru-baru ini turut mengakui bahawa tiada sebarang program bersepadu dibuat untuk membangunkan kawasan terumbu karang, kerana tugas mereka lebih banyak ke arah penjagaan dan penguatkuasaan.

Katanya, ketika idea mewujudkan Taman Laut dicetuskan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lebih 10 tahun lalu, memang semua gembira dan memberi sokongan padu. Bagaimanapun, semangat yang membuak itu semakin reda.

Bagaimanapun tegasnya, beberapa pakar marin termasuk pakar terumbu karang antarabangsa yang berada di Pulau Redang baru-baru ini, kagum dengan pelbagai jenis terumbu karang dimiliki Malaysia dan yakin ia dapat dibangunkan dengan cara lebih sistematik.

Justeru, selain membuat tukun daripada tayar, konkrit atau kapal pecah, Taman Laut Terengganu juga sedang membuat eksperimen menanam terumbu karang, tetapi secara kecil-kecilan. Difahamkan percubaan yang sama pernah dilakukan di Pulau Tioman, tetapi tidak begitu berjaya.

Namun, eksperimen yang pernah diadakan di beberapa negara lain termasuk Filipina, Thailand dan Australia sendiri, menyaksikan usaha menanam terumbu karang boleh direalisasikan jika ia dilaksanakan mengikut musim ia bertelur.

"Taman Laut seperti di Terengganu ini sebenarnya lebih suka untuk membiarkan taman laut yang ada sekarang berkembang sendiri, namun pembangunan yang begitu pantas di kawasan pulau sekitar di sini memberi kesan yang serius terhadap perkembangan terumbu karang. Justeru, sesuatu usaha yang lebih berpadu perlu diadakan bagi memastikan pembiakan terumbu karang tidak terjejas begitu teruk," katanya.

Justeru, sekumpulan penyelam diketuai Instruktur Fazli Mokhtar, yang kini mengendalikan pusat menyelam, Kembara Dives Centre, di Pulau Perhentian, dijangka bekerjasama dengan Taman Laut Terengganu, untuk mengadakan eksperimen bagi membiak terumbu karang di sekitar Pulau Perhentian Kecil.

Menurut Fazli, eksperimen ini diharap membuka mata lebih banyak pihak terhadap pentingnya terumbu karang bukan saja kepada hidupan laut bahkan kepada manusia yang terus ingin menikmati keindahan khazanah laut.

Antara yang memberi komitmen untuk menjayakan projek ini ialah pelukis dasar laut pertama negara, Ajis Mohamad, yang sanggup menjadi aktivis laut